

MAF Biosecurity New Zealand In-flight Video September 2008

Malay:

Ini adalah notis tentang undang-undang New Zealand yang penting.

Anda mesti mengisytiharkan pada kad ketibaan penumpang ini jikalau anda membawa...

sebarang makanan termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran, sebarang daging, ikan dan ayam-itik, bahan-bahan masakan dan semua produk-produk susu – ini termasuk apa-apa jua yang anda boleh masak, makan dan telan.

Juga MENGISYTIHARKAN sebarang tumbuh-tumbuhan, barang-barang kayu, biji-biji benih, produk-produk haiwan, ubat-ubatan tradisional atau herba, peralatan luar atau sukan, atau sebarang produk-produk yang berkenaan. Isytiharkan barang-barang tersebut pada kad ketibaan penumpang anda dan kami mungkin akan memeriksanya.

Atau buangkan barang-barang tersebut di dalam bekas-bekas tertentu yang terdapat di seluruh lapangan terbang atau, jikalau anda tidak pasti, tanyalah kami.

Ada kemungkinan sesuatu daripada beg-beg ini, termasuk beg-beg anda, membawa binatang perosak dan penyakit-penyakit yang boleh membahayakan alam sekeliling New Zealand.

Anjing pengesanan kami adalah dilatih untuk mencari barang-barang terhad.

Beg-beg anda akan diX-ray atau diperiksa.

Jikalau anda gagal mengisytiharkan diatas apa-apa sebab

...anda boleh di denda dari sekurang-kurangnya dua ratus hingga seratus ribu dollar, atau anda boleh dipenjarakan.

Jangan lupa mengisytiharkan atau membuang barang-barang larangan. Ini adalah undang-undang New Zealand.